

PERLUKAH IKUT THAILAND?



Bersama
**Syarifah Dayana
Syed Bakri**

Beberapa minggu lalu, Thailand membuat pengumuman bahawa ia kini membenarkan penanaman ganja dan penggunaannya dalam makanan dan minuman, sekaligus menjadi negara Asia pertama berbuat demikian.

Langkah berkenaan diambil bertujuan meningkatkan sektor pertanian dan pelancongan.

Hari pertama selepas 'penghalalan' ganja di sana, orang ramai dilihat beratur panjang di kedai yang menjual minuman atau snek mengandungi ganja.

Penggunaan ganja di Thailand sering dikaitkan sebagai 'ubat' untuk melegakan kesakitan serta keletihan dan sejak 2018 ia sudah membenarkan penggunaan ganja bagi tujuan perubatan.

Kerajaan Thailand mengambil kira tanaman itu sebagai tanaman kontan dan memberikan sejuta anak pokok ganja kepada orang awam secara percuma sebagai galakan untuk menanam secara komersial.

Penanam ganja perlu mendaftar pada aplikasi kerajaan yang dipanggil PlookGanja.

Setakat minggu lalu, lebih 300,000 orang mendaftar ke aplikasi itu.



GANJA mengakibatkan ketagihan dan berisiko menyebabkan nahas jalan raya.

Katanya, untuk kanak-kanak, ganja boleh diberikan bagi rawatan epilepsi hanya selepas ubat biasa tidak berkesan.

Dr Somsak berkata, untuk tujuan perubatan lain, ganja harus digunakan untuk rawatan paliatif dan untuk pesakit kanser yang mengalami loya dan muntah selepas kemoterapi atau pesakit tidak bertindak balas terhadap ubat.

Beliau memberi amaran tegas terhadap penggunaan ganja oleh mereka berusia di bawah 25 tahun untuk tujuan rekreasi di mana ia akan memberi kesan kepada otak dan sistem saraf yang boleh menyebabkan keupayaan

Katanya, pihaknya sedia maklum kelebihan ganja namun kesan buruk juga tidak boleh diketepikan.

Ini kerana ganja boleh mengakibatkan ketagihan dan berisiko menyebabkan kemalangan jalan raya bagi pemandu di bawah pengaruh bahan ini.

Menurutnya, lebih banyak mesyuarat akan diadakan bagi membincangkan kebaikan dan keburukan penggunaan ganja, walaupun ketika ini penggunaan ganja sudah 'dihalalkan' di negara berkenaan.

Berita kebenaran penggunaan ganja di Thailand nampak

jejak Thailand. Sekiranya kajian berkaitan ganja memuaskan hati Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), penggunaannya perlu dihadkan untuk kegunaan rawatan di bawah seliaan pegawai perubatan saja.

Usahlah benarkan penjualan produk mengandungi ganja secara terbuka.

Sedangkan ketika ini ganja tidak dibenarkan pun, ada yang mengambil secara curi-curi hingga 'high' tak tentu hala, boleh bayangkan jika ia sudah 'dihalalkan'?

Alasan yang digunakan pejuang ganja adalah tumbuhan berkenaan adalah sejenis herba ciptaan Allah dan tidak mungkin ia boleh memudaratkan manusia.

Namun, perlu diingat juga apabila sesuatu benda diambil secara berlebihan, ia berisiko mendatangkan keburukan. Dalam aspek penggunaan ganja, khususnya untuk tujuan suka-suka, siapa yang akan mengawal berapa banyak pengambilan oleh seseorang individu itu?

Di Thailand, hanya produk yang mengandungi 0.2 peratus THC dibenarkan penjualan secara terbuka, namun siapa akan memantau jumlah pengambilan oleh pengguna?

Berdasarkan Riwayat Abu Daud, al-Tirmizi dan Ibn Majah, daripada Jabir RA, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Makanlah dan minumlah"



Sekiranya kajian berkaitan ganja memuaskan hati KKM, penggunaannya perlu dihadkan untuk rawatan di bawah seliaan pegawai perubatan

Walaupun kerajaan Thailand dilihat 'sporting' membenarkan penggunaan ganja, namun orang awam masih terikat dengan peraturan yang ketat berkaitan pengambilan bahan berkenaan.

Pemilikan dan penjualan ekstrak ganja yang mengandungi lebih 0.2 peratus bahan psikoaktifnya, tetrahydrocannabinol (THC) adalah tidak dibenarkan dan mereka yang melanggar undang-undang masih boleh dikenakan hukuman penjara dan denda.

Pihak berkuasa juga tidak menggalakkan penggunaan rekreasi, manakala merokok dengan kandungan ganja di tempat awam boleh membawa kepada penjara dan denda.

Walaupun rakyat Thailand gembira dengan dasar baharu ini, namun nada berbeza dapat dilihat daripada komuniti perubatan.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perubatan Thailand, Dr Somsak Akksilp mengesyorkan penggunaan ganja dihadkan untuk tujuan perubatan saja dan memberi amaran terhadap penggunaan rekreasi ganja terutama dalam kalangan orang muda.

pembelajaran terjejas.

Jabatan Perkhidmatan Perubatan juga menekankan ganja harus digunakan untuk tujuan perubatan saja dan di bawah pengawasan doktor.

gayanya disambut riang kelompok 'Bani Tenang' di Malaysia yang mahu kerajaan Malaysia mengikut jejak langkah Thailand.

Secara peribadi, saya harap kerajaan Malaysia tidak mengikut

Apabila benda yang banyak memabukkan, maka yang sedikit pun adalah haram."

Penulis Pengarang Berita Harian Metro

dialog kotaraya oleh juragan

